

MB arah JPS ambil tindakan

Tangani segera masalah hakisan pantai akibat fenomena air pasang besar

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS – Kerajaan negeri mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil langkah segera untuk menangani masalah hakisan pantai melibatkan beberapa daerah akibat fenomena air pasang besar.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, antara kawasan yang terjejas teruk ialah Mengabang Telipot, Kuala Nerus; Kampung Teluk Lipat, Dungun; Bukit Keluang, Besut serta beberapa kawasan lain di Kemaman.

“Buat sementara, kontraktor dilantik JPS telah melakukan beberapa langkah awal termasuk membina benteng penahan ombak dan meletak batu bagi mengurangkan hakisan di kawasan yang terjejas akibat fenomena alam ini.

“Kerajaan komited dan memberi jaminan bagi memastikan masalah ini diselesaikan segera kerana kita faham dengan masalah yang sedang dihadapi rakyat terutama penduduk terjejas. Bagaimanapun, kita tidak



Kedadaan hakisan di Kampung Tengah.

dinafikan masalah ini tidak dapat diselesaikan dalam tempoh singkat, namun kerajaan negeri bersama kerajaan pusat sentiasa bekerjasama untuk mengatasi permasalahan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

meninjau masalah hakisan di Kampung Tengah, Mengabang Telipot, di sini, semalam.

Menurut Ahmad Razif lagi, fenomena air pasang yang melanda buat kali kedua tahun ini, menjejaskan kediaman dan kawasan pesisir pantai

berikutan perubahan cuaca dunia.

“Kita juga akan bekerjasama erat dengan kerajaan pusat untuk menjalankan kajian bagi mengatasi masalah hakisan pantai yang sememangnya menimbulkan keresahan penduduk terutama di pesisir pantai. Apa yang pasti kerajaan memberi jaminan untuk memastikan masalah ini dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin,” katanya.



Kedadaan rumah yang semakin hampir dengan pantai Mengabang Telipot akibat hakisan teruk.